



SIRIM
ISO 9001:2015
Cert No: QMS 003311



SIRIM
ISO 21001:2018
Cert No: QMS 00102

unisel
UNIVERSITI SELANGOR
Peneraju Transformasi



BUKU PERATURAN AKADEMIK

Program Asas, Diploma dan Sarjana Muda



Sila imbas Kod QR berikut untuk memuat turun naskhah versi digital
Buku Peraturan Akademik
Program Asas, Diploma dan Sarjana Muda
Edisi Keempat, Cetakan Pertama: April 2020



Naskah Versi Digital
Buku Peraturan Akademik
Program Asas, Diploma dan Sarjana Muda
Edisi Keempat, Cetakan Pertama: April 2020



Terbitan:
Pejabat Pendaftar
Universiti Selangor (UNISEL) ©2020

BUKU PERATURAN AKADEMIK
Program Asas, Diploma dan Sarjana Muda
Edisi Keempat, Cetakan Pertama: April 2020

Disahkan dan diperakukan Mesyuarat Senat Kali Ke-181 (Bil. 3/2020)
bertarikh 27 Mac 2020

Edisi Keempat

Cetakan Pertama: April 2020
© UNISEL

Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian buku ini, sama ada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Rekabentuk:

Mohd Nor bin Hashim (K)
Mohd Idrus Hakimi bin Mohd Bustamam
Nurikhmar binti Surian

TITIPAN ALUAN: YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana Universiti Selangor (UNISEL) berjaya membuat semakan semula dan penambahbaikan Buku Peraturan Akademik, Edisi Ketiga 2012 (Pindaan Pertama 2014), Cetakan Kedua, Januari 2015. Hasilnya, Mesyuarat Senat Kali Ke-181 (Bil.3/2020) pada 27 Mac 2020 telah meluluskan Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini untuk makluman semua.

Semakan semula, penambahbaikan dan tranformasi perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang digunapakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan, terutamanya dalam mendepani Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) atau lebih dikenali sebagai IR 4.0.

Buku Peraturan Akademik ini disediakan sebagai bahan rujukan utama bagi membolehkan para pelajar memahami pelaksanaan sistem akademik di UNISEL. Diharapkan segala maklumat yang terdapat di dalam buku ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya bagi membantu pelajar, staf akademik dan pentadbir perkhidmatan akademik dalam merangka sistem pengajaran dan pembelajaran masing-masing dengan lebih sistematik. Ini seterusnya membantu memantapkan sistem akademik yang merangkumi polisi, prosedur dan peraturan akademik sepanjang tempoh pengajian di UNISEL.

Akhir sekali, sekalung tahniah dan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Khas Semakan Buku Peraturan Akademik UNISEL yang dikoordinasi oleh Pejabat Pendaftar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) serta semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan kepakaran dalam usaha penerbitan buku ini.

Terima kasih dan salam tranformasi.

'PENERAJU TRANSFORMASI'

PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN
Presiden & Naib Canselor

TITIPAN ALUAN: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri)



Selamat Datang ke Universiti Selangor (UNISEL).

Universiti ini mempunyai persekitaran yang kaya untuk pembelajaran dan perkembangan peribadi serta pilihan akademik yang luas untuk membina kemahiran intelek dan ketrampilan teknikal. Suasana kampus yang indah dan permai serta pelbagai aktiviti ekstrakurikular dan kokurikulum mengembangkan kemahiran interpersonal dan memperkaya pengalaman pendidikan pelajar.

Panduan ini mengandungi versi lengkap dan rasmi peraturan akademik bagi pelajar program asas, diploma dan ijazah pertama. Semua versi yang diterbitkan sebelumnya tentang peraturan ini dikemaskinikan dalam dokumen ini. Peraturan khusus untuk pelajar pascasiswazah diterbitkan dalam buku panduan yang berasingan. Maklumat yang perlu diketahui oleh semua pelajar dan kakitangan fakulti disusun untuk membantu memastikan pelajar dapat melalui pengalaman akademik yang teratur, berkesan dan bermakna.

Semua pelajar diharap agar mengambil tanggungjawab terhadap perlakuan diri dan tindakan masing-masing. Pendaftaran mereka sebagai pelajar di UNISEL memberi makna bahawa mereka bersedia menerima peraturan dan prosedur akademik serta bukan akademik Universiti. Mereka bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan, dasar dan prosedur yang terkandung dalam buku panduan ini serta dalam penerbitan dan pengumuman rasmi Universiti yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pelajar juga dikehendaki mematuhi undang-undang tempatan, Negeri dan Persekutuan yang terpakai kepada mereka.

Perlu diingatkan bahawa Universiti berhak mengubah dasar dan peraturan yang didokumenkan dalam buku ini jika didapati perlu dan sesuai.

Terima kasih dan selamat maju jaya.

‘PENERAJU TRANSFORMASI’

PROF. DR. MD SIDIN BIN AHMAD ISHAK
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
(Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri)

BAHAGIAN	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
----------	---------------	------------

	Titipan Aluan Presiden dan Naib Canselor	3
	Titipan Aluan Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor.....4 (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri)	
	Isi Kandungan.....	5 – 7
1.0	TAKRIFAN.....	8 – 11
2.0	KALENDAR AKADEMIK.....	12
	2.1 Kalendar Akademik	
	2.2 Kalendar Pentadbiran Akademik	
3.0	KELAYAKAN MASUK.....	12 – 13
	3.1 Syarat Umum Kelayakan Masuk Program	
4.0	TEMPOH PENGAJIAN.....	13 - 14
	4.1 Tempoh Pengajian	
5.0	PENDAFTARAN.....	14 – 16
	5.1 Daftar Diri Pelajar Semasa	
	5.2 Pendaftaran Kursus	
	5.3 Mengulang Kursus	
	5.4 Memperbaiki Gred Kursus	
	5.5 Pendaftaran Kursus di Luar Struktur Program	
	5.6 Tambah Kursus	
	5.7 Gugur Kursus	
6.0	TUKAR PROGRAM.....	16 - 17
	6.1 Tukar Program	
7.0	SISTEM KREDIT.....	17 – 22
	7.1 Jumlah Jam Kredit Setiap Semester	
	7.2 Pengecualian Kursus	
	7.3 Pemindahan Kredit	

8.0	SISTEM GRED.....	23 – 26
8.1	Skim Pemarkahan	
8.2	Gred Khas	
8.3	Gred Lulus Kursus	
9.0	PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN.....	26 – 34
9.1	Kaedah Penilaian	
9.2	Peperiksaan Akhir	
9.3	Penilaian Kursus Tanpa Peperiksaan Akhir	
9.4	Peperiksaan Khas	
9.5	Peperiksaan Semula	
9.6	Keputusan Peperiksaan dan Penilaian Kursus	
9.7	Kedudukan Akademik	
9.8	Semakan Semula Keputusan Kursus	
9.9	Rayuan Meneruskan Pengajian	
10.0	PENYELEWENGAN AKADEMIK.....	34
10.1	Penyelewengan Akademik	
10.2	Tindakan Penyelewengan Akademik	
11.0	STATUS PENGAJIAN.....	35 – 37
11.1	Aktif [Active]	
11.2	Tangguh Pengajian [Defer]	
11.3	Berhenti Pengajian [Quit]	
11.4	Tidak Berdaftar [Absent]	
11.5	Diberhenti Pengajian [Terminated]	
11.6	Disingkir Pengajian [Expelled]	
11.7	Digantung Pengajian [Suspended]	
11.8	Lengkap [Completed]	
11.9	Bergraduat [Graduated]	
11.10	Praktikal [Practical]	
12.0	PENGIJAZAHAN.....	37 – 38
12.1	Syarat-syarat Bergraduat Universiti	
12.2	Kelas Ijazah	
12.3	Anugerah Akademik	
12.4	Transkrip dan Sijil	

13.0	BAYARAN.....	38 - 39
13.1	Yuran dan Bayaran Lain	
13.2	Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain	
13.3	Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain	
13.4	Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain	
14.0	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM.....	39
14.1	Peruntukan Am	
	LAMPIRAN I: KADAR BAYARAN.....	40
	SENARAI JADUAL.....	41



1.0 TAKRIFAN

Terminologi dalam Peraturan ini digunakan mengikut takrifan berikut, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain.

Aktif [Active]: Status pelajar yang telah melakukan Daftar Diri pada setiap semester.

Bergraduat [Graduated]: Status pelajar yang telah memenuhi syarat bergraduat dan telah disahkan oleh Senat.

Berhenti Pengajian [Quit]: Status pelajar yang diluluskan oleh Universiti untuk tidak meneruskan pengajian.

Daftar Diri: Proses pendaftaran diri pelajar pada setiap semester mengikut tempoh yang ditetapkan.

Dekan: Ketua fakulti/pusat pengajian/bahagian yang dilantik oleh Naib Canselor Universiti.

Diberhentikan Pengajian [Terminated]: Status pelajar yang diberhentikan.

Digantung Pengajian [Suspended]: Status pelajar yang digantung pengajian dalam tempoh tertentu di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.

Disingkirkan Pengajian [Expelled]: Status pelajar yang disingkir dari Universiti di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.

Fakulti: Mana-mana fakulti dan pusat pengajian universiti.

Gred: Nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

Gred Sementara: Gred yang diberikan bagi kes di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar atau Peraturan Akademik.

Hasil Akademik: Apa-apa bahan yang diiktiraf untuk penilaian akademik.

Ijazah Dasar: Program pengajian di peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Institusi: Penyedia pendidikan tinggi awam atau swasta dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Jam Temu: Jumlah jam rasmi berinteraksi dalam jam pengajaran berjadual sama ada dalam bentuk bersemuka atau dalam talian.

Kredit: Nilai beban bagi satu Jam Temu yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian

Kredit Dapat: Jumlah kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

Kredit Diambil: Jumlah kredit yang diambil sepanjang pengajian.

Kredit Kira: Jumlah kredit yang diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK untuk tujuan pengijazahan.

Kursus: Mata pelajaran yang ditawarkan oleh setiap program dan mempunyai kod yang khusus.

Latihan industri/latihan klinikal/praktikum: Merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

Lembaga Akademik Fakulti: Sebuah lembaga/jawatankuasa yang ditubuhkan oleh fakulti bagi semua urusan berkaitan hal ehwal akademik di fakulti.

Lengkap [Completed]: Status pelajar yang telah memenuhi jumlah jam kredit bergraduat.

Maklumat Kursus: Maklumat lengkap kursus dalam setiap program.

Modul Wajib: Kursus wajib yang ditetapkan oleh Universiti dan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang digariskan oleh agensi berwajib.

Nilai Gred: Nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

Pelajar: Individu yang telah sah didaftarkan secara rasmi dan menuntut di Universiti ini sama ada secara Sepenuh Masa, Separuh Masa atau Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

Pelajar Antarabangsa: Pelajar bukan warganegara Malaysia.

Pelajar Baharu: Pelajar semester pertama di tahun pertama pengajian.

Pelajar Semasa: Pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian

Pemindahan Kredit: Proses pemindahan kredit bagi kursus yang telah diikuti oleh pelajar dalam program terdahulu ke program semasa berdasarkan Prosedur Pemindahan Kredit.

Pengajian Separuh Masa: Mod pengajian akademik berdasarkan struktur pengajian separuh masa dengan tempoh pengajian yang lebih panjang daripada pengajian sepenuh masa.

Pengajian Sepenuh Masa: Mod pengajian akademik berdasarkan struktur pengajian sepenuh masa dengan bilangan kredit tidak kurang dari bilangan kredit minimum yang ditetapkan kecuali bagi pelajar yang Kedudukan Bersyarat (KS) atau pelajar yang berada dalam semester akhir pengajian.

Pengecualian Kursus: Proses mengecualikan seseorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program semasa berdasarkan Prosedur Pengecualian Kursus.

Pentaksiran Sumatif: Proses penilaian dan penggredan pembelajaran pelajar pada akhir sesuatu kursus dan dikenali sebagai pentaksiran akhir. Penilaian ini boleh dilakukan dalam bentuk peperiksaan bertulis, peperiksaan lisan, penilaian kemahiran atau persembahan.

Pentaksiran Formatif: Proses pemantauan pencapaian hasil pembelajaran pelajar secara berkala dan dikenali sebagai penilaian berterusan.

Peperiksaan: Sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian dan kemajuan akademik pelajar.

Plagiarisme: Menciplak idea, kata-kata atau maklumat tanpa mengiktiraf karya asal dan mengakuinya sebagai hasil kerjanya sendiri.

Purata Nilai Gred (PNG): Purata Nilai Gred yang diperoleh dalam sesuatu semester.

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK): Purata himpunan mata nilai yang diperoleh bagi semua semester yang telah diikuti.

Praktikal [Practical]: Status pelajar yang menjalani Latihan Industri/Latihan Klinik/Praktikum melangkaui satu semester.

Prasyarat: Kursus yang wajib diambil dan lulus oleh pelajar sebelum dibenarkan mendaftar kursus yang berikutnya.

Program: Jenis pengajian yang dikendalikan oleh Universiti di peringkat Program Asas, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Semester: Sesi pembelajaran yang disahkan oleh Senat.

Semester Panjang: Tempoh pembelajaran selama 15 minggu bagi Program Asas dan 17 minggu bagi Ijazah Dasar.

Semester Pendek: Tempoh pembelajaran selama sembilan minggu bagi Ijazah Dasar.

Senat: Badan pentadbiran tertinggi Universiti yang mengurus hal ehwal akademik.

Syarat Umum: Syarat kelayakan masuk untuk sesuatu program yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tangguh pengajian [Defer]: Status pelajar yang diluluskan oleh Universiti untuk tidak mendaftar diri pada semester semasa.

Universiti: Universiti Selangor.

Yuran Pengajian: Bayaran yang dikenakan bagi kursus yang didaftarkan pada semester semasa.

Yuran Proses: Bayaran yang dikenakan sebagai caj pemprosesan bagi permohonan berkaitan.

Yuran Semester: Bayaran pendaftaran diri bagi pelajar yang berstatus aktif pada setiap semester.



2.0 KALENDAR AKADEMIK

2.1 Kalendar Akademik

- 2.1.1 Kalendar Akademik merangkumi Struktur Pembelajaran Universiti terdiri daripada Semester Panjang dan Semester Pendek tertakluk kepada Struktur Program tertentu seperti Jadual 2.1(a) dan 2.1(b) di bawah.

Jadual 2.1(a): Struktur Pembelajaran Program Asas

Semester Panjang	
Kuliah	12 minggu
Ulangkaji dan Peperiksaan Akhir	2 minggu
Jumlah	14 minggu

Jadual 2.1(b): Struktur Pembelajaran Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda

Semester Panjang	
Kuliah	14 minggu
Ulangkaji dan Peperiksaan Akhir	3 minggu
Jumlah	17 minggu
Semester Pendek	
Kuliah	7 minggu
Ulangkaji dan Peperiksaan Akhir	2 minggu
Jumlah	9 minggu

2.2 Kalendar Pentadbiran Akademik

- 2.2.1 Kalendar Pentadbiran Akademik memaparkan aktiviti akademik Universiti bagi setiap semester.
- 2.2.2 Pelajar **wajib** menyemak dan mengambil maklum berhubung tempoh setiap aktiviti akademik Universiti dari semasa ke semasa yang dipaparkan di portal pelajar.

3.0 KELAYAKAN MASUK

3.1 Syarat Umum Kelayakan Masuk Program

- 3.1.1 Tawaran kelayakan masuk adalah tertakluk kepada:-

- (i) Syarat umum kelayakan masuk yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan keperluan minimum Standard Program yang berkuatkuasa bagi pengambilan pelajar dalam tempoh yang ditetapkan; atau
- (ii) Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh kerajaan dan Senat Universiti.
- (iii) Sekiranya syarat kelayakan masuk berbeza dengan syarat kelayakan masuk dalam standard program, maka syarat kelayakan masuk yang lebih tinggi akan terpakai.
- (iv) Pengesahan sijil-sijil akademik asal.
- (v) Tidak terlibat dengan masalah penipuan, disiplin atau disabitkan kesalahan jenayah.

4.0 TEMPOH PENGAJIAN

4.1 Tempoh Pengajian

- 4.1.1 Tempoh pengajian mengikut peringkat pengajian adalah berdasarkan ketetapan pada Jadual 4.1 :-

Jadual 4.1 : Tempoh Pengajian*

Peringkat Pengajian	Tempoh Minimum (Tahun)		Tempoh Maksimum (Tahun)	
	Sepenuh Masa	Separuh Masa	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Program Asas	1	-	2	-
Program Asas Trek Huffaz	1 Tahun 6 Bulan	-	3	-
Diploma	2	4	5	10
Sarjana Muda	3	6	6	12

Nota: *Tertakluk kepada program pengajian dan syarat bergraduat.

- 4.1.2 Pelajar perlu mengikuti pengajian tidak kurang daripada tempoh minimum yang ditetapkan bagi setiap program.

- 4.1.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum tetapi belum bergraduasi perlu mengikuti struktur program terkini dan tertakluk pada kelulusan Senat.
- 4.1.4 Perlanjutan tempoh pengajian dengan mengikuti struktur program semasa bagi trek khas adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

5.0 PENDAFTARAN

5.1 Daftar Diri Pelajar Semasa

- 5.1.1 Pelajar **wajib** daftar diri secara talian melalui portal pelajar pada setiap semester mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.1.2 Pendaftaran lewat daftar diri boleh dipertimbangkan oleh fakulti sehingga minggu kedua kuliah bagi semester panjang dan minggu pertama kuliah bagi semester pendek.
- 5.1.3 Permohonan lewat daftar diri perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Rayuan Lewat Daftar dan membayar denda seperti di **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.
- 5.1.4 Pelajar perlu membuat permohonan tangguh pengajian selepas tamat tempoh daftar diri.
- 5.1.5 Pelajar akan diberhentikan daripada pengajian sekiranya tidak mematuhi Perkara 5.1.3 atau 5.1.4.

5.2 Pendaftaran Kursus

- 5.2.1 Pelajar baharu akan didaftarkan dengan kursus-kursus semester pertama tahun pertama secara automatik mengikut program masing-masing.
- 5.2.2 Pelajar semasa **wajib** membuat pendaftaran kursus berdasarkan struktur program melalui portal pelajar dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.2.3 Pelajar semasa perlu membuat pendaftaran kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di **Jadual 7.1(a)** dan **Jadual 7.1(b)**.
- 5.2.4 Pelajar **wajib** menyemak maklumat pendaftaran kursus di portal pelajar.

5.3 Mengulang Kursus

- 5.3.1 Pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus wajib mengulang kursus tersebut sehingga lulus.
- 5.3.2 Gred terbaik bagi kursus yang diulang akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- 5.3.3 Pelajar yang gagal kursus dan tidak mengulang kursus sehingga semester akhir pengajian tidak layak menduduki peperiksaan khas.

5.4 Memperbaiki Gred Kursus

- 5.4.1 Pelajar dibenar memperbaiki gred kursus dengan mendaftar semula kursus berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.4.2 Gred terbaik bagi kursus yang diperbaiki akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- 5.4.3 Gred bagi kursus yang diperbaiki akan dipaparkan di dalam transkrip pelajar dan status kursus akan dilabelkan sebagai kursus ulangan.

5.5 Pendaftaran Kursus di Luar Struktur Program

- 5.5.1 Pelajar tahun akhir dibenarkan mendaftar kursus di luar struktur program tertakluk kepada kelulusan Dekan.
- 5.5.2 Gred bagi kursus tersebut akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- 5.5.3 Kredit bagi kursus tersebut tidak akan diambil kira dalam jam kredit bergraduasi.
- 5.5.4 Kursus akan dikenakan yuran mengikut kadar yang ditetapkan.

5.6 Tambah Kursus

- 5.6.1 Pelajar dibenarkan Tambah Kursus mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan Kalendar Pentadbiran Akademik semasa.
- 5.6.2 Penambahan kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di Jadual 7.1(a) dan Jadual 7.1(b).

- 5.6.3 Permohonan lewat tambah kursus boleh dipertimbangkan oleh fakulti sehingga minggu ketiga kuliah bagi semester panjang dan minggu kedua kuliah bagi semester pendek tertakluk memenuhi 80% kehadiran kuliah.
- 5.6.4 Permohonan yang melebihi tempoh seperti yang dinyatakan dalam **Perkara 5.6.3** perlu dikemukakan kepada Pendaftar.
- 5.6.5 Permohonan tambah kursus melebihi tempoh perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Tambah Gugur Kursus dan membayar denda seperti di **Lampiran I: Kadar Bayaran**.

5.7 Gugur Kursus

- 5.7.1 Pelajar dibenarkan untuk Gugur Kursus mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan Kalendar Pentadbiran Akademik semasa.
- 5.7.2 Permohonan Gugur Kursus melebihi tempoh boleh dipertimbangkan oleh fakulti sehingga minggu kesembilan kuliah bagi semester panjang dan minggu keempat kuliah bagi semester pendek.
- 5.7.3 Permohonan yang melebihi tempoh seperti yang dinyatakan dalam **Perkara 5.7.2** perlu dikemukakan kepada Pendaftar.
- 5.7.4 Permohonan gugur kursus melebihi tempoh yang dibenar seperti di **Perkara 5.7.2 dan 5.7.3** akan dikenakan yuran proses dan yuran pengajian setiap kursus secara prorata seperti di **Lampiran I: Kadar Bayaran**.
- 5.7.5 Gugur kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di **Jadual 7.1(a) dan Jadual 7.1(b)**.
- 5.7.6 Pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir atau tidak layak melengkapkan kursus tidak dibenarkan Gugur Kursus.

6.0 TUKAR PROGRAM

6.1 Tukar Program

- 6.1.1 Pertukaran program hendaklah dibuat dalam tempoh minggu pertama kuliah.

- 6.1.2 Permohonan yang melebihi tempoh seperti yang dinyatakan dalam Perkara 6.1.1 perlu dikemukakan kepada Pendaftar.
- 6.1.3 Pelajar Kedudukan Gagal (KG) yang diluluskan rayuan meneruskan pengajiannya, boleh menukar program dalam tempoh minggu pertama kuliah.
- 6.1.4 Pelajar wajib memenuhi syarat kelayakan masuk bagi program baharu yang dipohon.
- 6.1.5 Pertukaran program bagi pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada syarat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan Malaysia.
- 6.1.6 Bayaran proses pertukaran program adalah seperti di Lampiran I: Kadar Bayaran.

7.0 SISTEM KREDIT

7.1 Jumlah Jam Kredit Setiap Semester

- 7.1.1 Jumlah jam kredit yang dibenarkan seperti Jadual 7.1(a) dan Jadual 7.1(b).

Jadual 7.1(a): Jumlah Jam Kredit yang Dibenarkan untuk Program Asas

Mod Pengajian Pelajar	Semester Panjang	
	Kredit Minimum	Kredit Maksimum
Sepenuh Masa	12	17

Jadual 7.1(b): Jumlah Jam Kredit yang Dibenarkan untuk Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda

Mod Pengajian Pelajar	Semester Panjang		Semester Pendek	
	Kredit Minimum	Kredit Maksimum	Kredit Minimum	Kredit Maksimum
Sepenuh Masa	12	20	2	11
Sepuluh Masa	6	10	2	6

7.1.2 Pelajar dibenarkan mendaftar kurang daripada kredit minimum sekiranya :-

- (i) Pelajar yang berada pada semester terakhir untuk tujuan bergraduasi;
- (ii) Pelajar yang berada dalam KS;
- (iii) Pelajar yang berada dalam Kedudukan Gagal (KG) dan lulus rayuan meneruskan pengajian;
- (iv) Pelajar yang mendaftar kursus latihan industri/latihan klinikal/praktikum;
- (v) Pelajar yang telah melengkapkan jumlah jam kredit bergraduasi dan mendaftar kursus tambahan di luar struktur program.

7.1.3 Pendaftaran kursus yang melebihi daripada kredit maksimum tertakluk kepada kelulusan Dekan.

7.2 Pengecualian Kursus

7.2.1 Pelajar layak memohon pengecualian kursus pada tahun pertama pengajian sahaja.

7.2.2 Permohonan ini adalah tertakluk kepada pelajar daripada program diploma atau ijazah sarjana muda sahaja.

7.2.3 Pelajar perlu mengganti kursus yang diberi pengecualian dengan kursus lain yang setara bagi memenuhi keperluan kredit bergraduasi.

7.2.4 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus yang telah diberikan Pengecualian Kursus.

7.2.5 Pelajar tidak dibenarkan memohon Pengecualian Kursus bagi kursus yang telah diikuti dalam program semasa.

7.2.6 Pengecualian Kursus boleh dilakukan dengan menggabungkan dua kursus untuk mencapai kesetaraan kandungan bagi kursus yang dipohon.

7.2.7 Jumlah jam kredit hasil gabungan kedua-dua kursus mestilah sama atau lebih daripada kursus yang hendak diberikan Pengecualian Kursus.

7.2.8 Syarat-syarat Pengecualian Kursus

- (i) Kedudukan akademik bagi program terdahulu adalah sekurang-kurangnya KS;
- (ii) Kesetaraan kandungan antara kursus yang hendak diberi Pengecualian Kursus dengan kursus yang dibuat perbandingan hendaklah sekurang-kurangnya 80%;
- (iii) Kursus yang dibuat perbandingan perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C dengan nilai gred 2.00;
- (iv) Program terdahulu telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara) atau pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan;
- (v) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan mestilah tidak melebihi lima tahun dari tarikh tamat pengajian; dan
- (vi) Syarat-syarat lain program.

7.3 Pemindahan Kredit

- 7.3.1 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit pada **tahun pertama** pengajian sahaja.
- 7.3.2 Permohonan ini adalah tertakluk kepada pelajar daripada program sijil, diploma atau ijazah sarjana muda sahaja.
- 7.3.3 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus yang telah diberikan Pemindahan Kredit.
- 7.3.4 Pemindahan Kredit boleh dilakukan dengan menggabungkan dua kursus untuk mencapai kesetaraan kandungan bagi kursus yang dipohon.
- 7.3.5 Jumlah jam kredit hasil gabungan kedua-dua kursus mestilah sama atau lebih daripada kursus yang hendak diberikan Pemindahan Kredit.
- 7.3.6 Syarat-syarat Umum Pemindahan Kredit
 - (i) Kedudukan akademik bagi program terdahulu adalah sekurang-kurangnya dalam KS;

- (ii) Kesetaraan kandungan antara kursus yang hendak diberi Pemindahan Kredit dengan kursus yang dibuat perbandingan hendaklah sekurang-kurangnya 80%;
- (iii) Kursus yang dibuat perbandingan perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C dengan nilai gred 2.00;
- (iv) Program terdahulu telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara) atau pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan;
- (v) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan mestilah tidak melebihi lima tahun dari tarikh tamat pengajian.

7.3.7 Pemindahan kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:

- (i) Vertikal: Pemindahan Kredit dari peringkat pengajian yang rendah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti dari peringkat sijil (KKM, Tahap 3) ke diploma dan diploma ke ijazah sarjana muda.
- (ii) Horizontal: Pemindahan Kredit dari program di peringkat pengajian yang sama seperti dari diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.

7.3.8 Dasar pemindahan kredit secara vertikal adalah dibenarkan berdasarkan situasi berikut:

- (i) Pemindahan Kredit adalah tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti seperti di Jadual 7.2:

Jadual 7.2 : Skim pemindahan kredit secara vertikal

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

- (ii) Pemindahan Kredit tidak melibatkan pemindahan gred dan nilai gred;
- (iii) Nama kursus dan jumlah kredit perlu dinyatakan di dalam transkrip;
- (iv) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dikira berdasarkan baki kursus yang tidak terlibat dengan Pemindahan Kredit.
- (v) Pemindahan Kredit daripada diploma lanjutan (Tahap 5 MQF dan memiliki diploma Tahap 4 MQF) boleh dipertimbangkan pindah kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian di peringkat sarjana muda tertakluk kepada Perkara 7.3.6.

7.3.9 Dasar pemindahan kredit secara horizontal adalah dibenarkan berdasarkan situasi berikut:

- (i) Pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki;
- (ii) Pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar ke program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti;
- (iii) Pelajar yang berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama;
- (iv) Pelajar yang sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di institusi yang lain di bawah program mobiliti atau program pertukaran pelajar;

- (v) Pemindahan Kredit adalah tertakluk kepada **syarat pemastautin** seperti berikut sekiranya program yang ingin diikuti di institusi yang berbeza;
 - a. Mengikuti tempoh pemastautin di institusi yang menganugerahkan kelayakan dalam tempoh satu tahun bagi sarjana muda dan satu semester bagi diploma.
 - b. Jumlah kredit minimum yang perlu diambil dalam tempoh pemastautin adalah berdasarkan jumlah jam kredit minimum bagi setiap semester.
- (vi) Tiada had pemindahan kredit jika dari institusi yang sama;
- (vii) Pemindahan Kredit melibatkan pemindahan gred dan nilai gred;
- (viii) Nama kursus, jumlah kredit, gred dan nilai gred perlu dinyatakan secara jelas di dalam transkrip pelajar;
- (ix) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dikira bersekali dengan kursus yang diberi Pemindahan Kredit.

7.3.10 Fakulti berhak untuk menentukan senarai kursus yang layak untuk Pemindahan Kredit.

7.3.11 Pemindahan Kredit daripada peringkat pengajian yang lebih tinggi ke peringkat pengajian yang lebih rendah seperti sarjana muda ke diploma adalah **tidak dibenarkan**.

7.3.12 Semua kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain program dan diperakukan oleh Senat.

7.3.13 Yuran proses yang ditetapkan oleh Universiti akan dikenakan bagi setiap permohonan dengan merujuk **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.

7.3.14 Pemindahan Kredit yang diluluskan akan dikenakan yuran pemindahan kredit bagi setiap kursus dengan merujuk **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.

8.0 SISTEM GRED

8.1 Skim Pemarkahan

8.1.1 Skim Pemarkahan adalah seperti di Jadual 8.1(a) dan Jadual 8.1(b):

Jadual 8.1 (a): Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.75	Cemerlang
70 – 74	B+	3.50	Sangat Baik
65 – 69	B	3.00	Baik
60 – 64	B-	2.75	Baik
55 – 59	C+	2.50	Memuaskan
50 – 54	C	2.00	Memuaskan
47 – 49	C-	1.75	Lemah
44 – 46	D+	1.50	Lemah
40 – 43	D	1.00	Lemah
30 – 39	E	0.75	Gagal
0 – 29	F	0.00	Gagal

Jadual 8.1(b) : Skim Pemarkahan Tanpa Nilai Gred

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
65 – 100	AP*	Tiada	Lulus
0 – 64	AF*	Tiada	Gagal

Nota:

*AP = Hadir Lulus (*Attend Pass*)

*AF = Hadir Gagal (*Attend Fail*)

8.2 Gred Khas

8.2.1 Takrifan dan pelaksanaan Gred khas adalah seperti berikut:

(i) Gred IP [In Progress]

- a. Gred sementara yang diberi kepada kursus berbentuk Projek Tahun Akhir dan Latihan Industri yang tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh satu semester.

- b. Tempoh gred adalah tidak melebihi minggu ketujuh semester berikutnya.
- c. Pelajar akan diberi Gred F sekiranya tidak melengkapkan Projek Tahun Akhir dan Latihan Industri dalam tempoh yang ditetapkan.
- d. Pelajar perlu mendaftar diri dan mendaftar kursus khas IP bagi melengkapkan kursus yang diberikan Gred IP.
- e. Gred IP akan diganti dengan gred sebenar kursus selepas diperakukan oleh Senat.

(ii) Gred IC [Incomplete]

- a. Gred sementara bagi pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir dengan sebab-sebab yang telah diluluskan oleh Dekan seperti berikut:
 - (i) Masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah.
 - (ii) Kes kematian keluarga terdekat seperti berikut:
 - Kematian ibu/bapa kandung/tiri
 - Kematian ibu/bapa mertua
 - Kematian suami/isteri
 - Kematian anak/anak angkat yang didaftarkan
 - Kematian adik-beradik kandung
 - Kematian nenek/datuk kandung
 - (iii) Lain-lain perkara yang diluluskan oleh Dekan kecuali perkara berkaitan yuran pengajian.
- b. Pelajar akan dipertimbang Gred IC tertakluk kepada berikut :
 - (i) Pemakluman kepada fakulti perlu dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas tarikh peperiksaan.
 - (ii) Pelajar memenuhi syarat layak menduduki peperiksaan.(Rujuk Perkara 9.2)

- c. Gred IC akan diganti dengan gred sebenar kursus selepas diperakukan oleh Senat.
- d. Gred F akan diberikan sekiranya pelajar gagal menduduki Peperiksaan Khas.

(iii) Gred X

- a. Gred sementara bagi kes di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.
- b. Gred X akan dikemaskini berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

(iv) Gred Y

- a. Gred sementara kursus bagi pelajar yang telah dikenakan tindakan seperti berikut:
 - (i) Dihalang menduduki peperiksaan akhir.
 - (ii) Dihalang melengkapkan kursus.
- b. Gred Y akan diganti dengan gred F kursus selepas diperakukan oleh Senat.
- c. Pelajar perlu mengulang semula kursus yang mendapat Gred Y pada semester kursus tersebut ditawarkan.

(v) Gred Z

- a. Gred sementara bagi pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab-sebab yang diluluskan oleh Fakulti selain daripada Perkara 8.2.1(ii).
- b. Markah penilaian formatif tidak dikira dalam pemberian Gred Z.
- c. Gred Z pelajar akan diganti dengan Gred F selepas diperakukan oleh Senat

8.3 Gred Lulus Kursus

8.3.1 Gred Lulus Kursus adalah seperti Jadual 8.2.

Jadual 8.2 : Gred Lulus Kursus

Pecahan Klasifikasi	Gred	Nilai Gred
Modul Wajib	C	2.00
Modul Teras Asas	D	1.00
Modul Teras Disiplin	C	2.00
Modul Elektif	D	1.00
Latihan Industri/ Intensive English/Lain-lain Kursus	B	3.00
	C*	2.00
	AP	Tiada

* Tertakluk kepada program dan kelulusan Senat

9.0 PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

9.1 Kaedah Penilaian

9.1.1 Penilaian pelajar dibuat melalui penilaian formatif dan sumatif. Penilaian pencapaian pelajar dilaporkan menggunakan sistem gred yang dinyatakan di Jadual 8.1(a) dan Jadual 8.1(b).

- (i) Pentaksiran Sumatif: matlamat pentaksiran sumatif atau peperiksaan berkepentingan tinggi adalah untuk mengukur kualiti prestasi, tahap pencapaian, atau tahap kecekapan pelajar/kursus/modul/program bagi setiap hasil pembelajaran setelah tamatnya sesuatu unit pengajaran atau tamatnya kursus/modul/program. Kualiti prestasi hasil pembelajaran ini diperolehi melalui perbandingannya dengan tanda aras standard bagi setiap hasil pembelajaran tersebut. Tujuan pentaksiran sumatif adalah untuk membuat keputusan atau pertimbangan mengenai pemberian gred dan menentukan masa depan pelajar/kursus/modul/program.
- (ii) Pentaksiran Formatif: Pentaksiran Formatif ialah bentuk pentaksiran berkepentingan rendah untuk pembelajaran melalui perolehan data sewaktu pembelajaran sedang berlangsung dan ia menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran. Apabila pentaksiran ini digabungkan dengan amalan di dalam kelas, ia mampu memberikan maklumat yang perlu untuk mengubah atau menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran sewaktu ia

sedang berlangsung. Pentaksiran formatif berupaya memberi makluman kepada pelajar dan staf akademik mengenai pemahaman pelajar pada ketika perubahan boleh dilakukan tepat pada masanya. Perubahan yang dilakukan boleh memastikan hasil pembelajaran yang dihasratkan dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- 9.1.2 Penilaian pembelajaran dalam sistem semester dilakukan secara berterusan menggunakan pentaksiran formatif dan sumatif berdasarkan kaedah penilaian yang telah ditentukan oleh Fakulti.

9.2 Peperiksaan Akhir

- 9.2.1 Pelajar wajib menduduki peperiksaan akhir kecuali bagi kursus tanpa peperiksaan akhir.
- 9.2.2 Syarat layak menduduki peperiksaan akhir:
- (i) Pelajar wajib memenuhi 80% kehadiran jam temu.
 - (ii) Pelajar wajib menjelaskan yuran pengajian sebelum menduduki peperiksaan.
- 9.2.3 Jadual Peperiksaan Akhir dikeluarkan oleh Universiti dan sebarang pindaan tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 9.2.4 Pelajar **wajib** menyemak jadual peperiksaan akhir sebelum menduduki peperiksaan. Tiada peperiksaan gantian akan dibuat bagi sebarang kecuaian pelajar.
- 9.2.5 Sekiranya berlaku pertindihan kursus dalam Jadual Peperiksaan Akhir, pelajar wajib memaklumkan kepada Penolong Pendaftar Fakulti dalam tempoh dua minggu sebelum hari pertama peperiksaan bermula.
- 9.2.6 Pelajar dikehendaki mencetak Slip Menduduki Peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan dari portal pelajar.
- 9.2.7 Pelajar wajib membawa slip menduduki peperiksaan ke Dewan Peperiksaan.

- 9.2.8 Pelajar **wajib** menjelaskan yuran pengajian sebelum minggu ke-12 bagi semester panjang dan minggu kelima bagi semester pendek.
- 9.2.9 Pelajar wajib mematuhi semua peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Universiti berdasarkan Buku Panduan dan Peraturan Peperiksaan Calon Peperiksaan yang boleh dirujuk di dalam Portal Pelajar.
- 9.2.10 Pelajar berkeperluan khas layak memohon kepada fakulti untuk:
- (i) Mendapatkan kemudahan peralatan dan perkhidmatan yang bersesuaian; dan
 - (ii) Tempoh tambahan masa peperiksaan akhir.
 - (iii) Tertakluk kepada kelulusan Universiti.

9.3 Penilaian Kursus Tanpa Peperiksaan Akhir

- 9.3.1 Pelajar wajib melengkapkan kursus tanpa peperiksaan akhir dan memenuhi syarat berikut:
- (i) Pelajar wajib memenuhi 80% kehadiran jam temu yang ditentukan bagi sesuatu kursus.
 - (ii) Pelajar wajib menjelaskan yuran pengajian sebelum penilaian akhir kursus dijalankan.
- 9.3.2 Sekiranya pelajar tidak mematuhi **Perkara 9.3.1(i)** bagi mana-mana kursus dan telah disahkan oleh Fakulti, kursus pelajar tidak akan dinilai dan akan diberi gred Y bagi kursus tersebut.
- 9.3.3 Sekiranya pelajar tidak mematuhi **Perkara 9.3.1(ii)** bagi mana-mana kursus dan telah disahkan oleh Fakulti, kursus pelajar tidak akan dinilai dan akan diberi gred F bagi kursus tersebut.
- 9.3.4 Pelajar **wajib** menjelaskan yuran pengajian sebelum minggu ke-12 bagi semester panjang dan minggu kelima bagi semester pendek.
- 9.3.5 Pelajar wajib mematuhi semua peraturan penilaian yang telah ditetapkan oleh Universiti berdasarkan Buku Panduan dan Peraturan Peperiksaan Calon Peperiksaan yang boleh dirujuk di dalam Portal Pelajar.

9.4 Peperiksaan Khas

9.4.1 Peperiksaan Khas boleh diadakan dengan kelulusan Fakulti untuk pelajar-pelajar dalam situasi berikut:

- (i) Pelajar semester akhir/pelajar yang telah mengambil semua kursus kecuali Latihan Industri (LI) dan berada dalam Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal maksimum 2 kursus dalam semester akhir atau mana-mana semester dengan syarat kursus berkenaan telah diambil setiap kali ia ditawarkan; atau
- (ii) Pelajar yang diberi Gred IC.

9.4.2 Pelajar yang telah diluluskan untuk menduduki peperiksaan khas **wajib** membayar yuran proses setiap kursus seperti di **Lampiran I: Kadar Bayaran**.

9.4.3 Pelajar **wajib** menduduki peperiksaan khas mengikut jadual yang ditetapkan.

9.4.4 Pelajar yang gagal menduduki peperiksaan khas tanpa sebab yang munasabah akan diberi Gred F.

9.4.5 Markah Peperiksaan Khas akan diambil kira seperti berikut:-

- (i) Bagi Perkara 9.4.1 (i), markah Peperiksaan Khas sahaja akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK dengan gred maksimum C;
- (ii) Bagi Perkara 9.4.1 (ii), markah Peperiksaan Khas akan menentukan markah peperiksaan akhir dan markah kerja kursus adalah kekal.

9.4.6 Peperiksaan Khas akan dijalankan dalam tempoh satu minggu pertama kuliah semester berikutnya.

9.4.7 Pelajar wajib membawa slip kebenaran menduduki peperiksaan khas semasa hari peperiksaan.

9.5 Peperiksaan Semula

9.5.1 Universiti berhak mengadakan Peperiksaan Semula atas arahan Naib Canselor pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan seperti berikut:-

- (i) Berlaku kebocoran soalan peperiksaan akhir;
- (ii) Perkara-perkara di luar jangkaan.

9.6 Keputusan Peperiksaan dan Penilaian Kursus

- 9.6.1 Keputusan peperiksaan dan penilaian kursus akan dipamerkan selepas kelulusan Senat.
- 9.6.2 Pelajar yang layak sahaja boleh membuat semakan keputusan peperiksaan dan penilaian kursus.
- 9.6.3 Pelajar **wajib** mencetak Slip Keputusan Peperiksaan setiap semester untuk tujuan penajaan, permohonan penempatan Latihan Industri dan audit bergraduat.

9.7 Kedudukan Akademik

- 9.7.1 Prestasi akademik pelajar ditunjukkan oleh Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

(i) Purata Nilai Gred (PNG)

PNG adalah purata nilai gred yang diperoleh oleh seseorang pelajar pada penghujung setiap semester. Formula mengira PNG pelajar bagi sesuatu semester adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan untuk semester berkenaan}}{\text{Jumlah Kredit semua kursus untuk semester berkenaan}}$$

$$\text{Jumlah Nilai Gred} = \text{Nilai Gred} \times \text{Kredit}$$

Contoh 1: Pengiraan PNG Semester 1

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Jumlah Nilai Gred
ZESI133	B	3.0	3	9.0
MPU2213	B+	3.5	3	10.5
PMS1313	C+	2.5	3	7.5
KMS1113	B	3.0	3	9.0
CLS1123	A	4.0	3	12.0
IAS1143	B+	3.5	3	7.0
JUMLAH			18	55.0

$$\text{PNG} = 55.0 / 18 = 3.06$$

Contoh 2: Pengiraan PNG Semester 2

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Jumlah Nilai Gred
ZES2133	B+	3.5	3	10.5
MPU3113	B	3.0	3	9.0
PMS2313	A	4.0	3	12.0
KMS1213	D	1.0	3	3.0
CLS1223	C+	2.5	3	7.5
IAS1243	B	3.0	3	9.0
JUMLAH			18	51.0

$$\text{PNG} = 51.0 / 18 = 2.83$$

(ii) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

PNGK adalah merupakan purata nilai gred keseluruhan yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam penilaian bagi semua kursus yang telah diambil. Formula mengira PNGK adalah:-

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan yang diperoleh}}{\text{Jumlah Kredit semua kursus yang telah diambil}}$$

Contoh 3: Pengiraan PNGK

Semester 1 (rujuk contoh 1 untuk jumlah nilai gred dan jumlah kredit)

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan} &= 55.00 \\ \text{Jumlah Kredit semua kursus} &= 18\end{aligned}$$

Semester 2 (rujuk contoh 2 untuk jumlah nilai gred dan jumlah kredit)

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan} &= 51.00 \\ \text{Jumlah Kredit semua kursus} &= 18\end{aligned}$$

$$\text{PNGK} = \frac{(55 + 51)}{(18 + 18)} = 2.94$$

- 9.7.2 Kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir setiap semester dengan menggunakan kedudukan PNGK seperti di Jadual 9.1.

Jadual 9.1 : Kedudukan Akademik

Kedudukan	PNGK	Keterangan
Cemerlang (KC)	Dari 3.60 sehingga 4.00 ($3.60 \leq \text{PNGK} \leq 4.00$)	Boleh meneruskan pengajian
Baik (KB)	Dari 2.00 sehingga 3.59 ($2.00 \leq \text{PNGK} \leq 3.59$)	Boleh meneruskan pengajian
Bersyarat (KS)	Dari 1.70 sehingga 1.99 ($1.70 \leq \text{PNGK} \leq 1.99$)	Boleh meneruskan pengajian dengan hanya mengambil 12 jam kredit maksimum bagi Semester Panjang dan 6 jam kredit bagi Semester Pendek Bagi pelajar yang mendapat KS tiga (3) semester berturut-turut akan diberi Kedudukan Gagal (KG)
Gagal (KG)	Dari 0.00 sehingga 1.69 ($0.00 \leq \text{PNGK} \leq 1.69$)	Diberhentikan

9.8 Semakan Semula Keputusan Kursus

- 9.8.1 Pelajar boleh memohon semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir dan penilaian sumatif bagi kursus tanpa peperiksaan akhir dalam minggu pertama kuliah semester berikutnya.
- 9.8.2 Bagi setiap semakan semula yang telah diproses, gred kursus hasil semakan semula akan diterima sebagai gred baharu.

- 9.8.3 Yuran proses adalah seperti di **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.
- 9.8.4 Semakan semula akan dilakukan oleh pemeriksa kedua UNISEL yang dilantik oleh Dekan.
- 9.8.5 Perubahan gred kursus adalah muktamad tertakluk kepada keputusan Senat. Sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9.9 Rayuan Meneruskan Pengajian

- 9.9.1 Pelajar KG boleh membuat rayuan secara bertulis untuk meneruskan pengajian kepada Dekan di dalam tempoh yang ditetapkan (rujuk Kalendar Pentadbiran Akademik semasa).
- 9.9.2 Dekan mempunyai bidang kuasa meluluskan permohonan pelajar KG tahun pertama semester pertama dengan PNGK 1.50 - 1.69 untuk meneruskan pengajian.
- 9.9.3 Pelajar berstatus Diberhentikan Pengajian boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan untuk meneruskan pengajian dengan ketetapan berikut:
- (i) Permohonan pelajar akan diproses sebelum minggu ke-14 semester panjang dan minggu ketujuh semester pendek untuk pendaftaran semester berikutnya.
 - (ii) Pelajar yang permohonannya diterima melebihi tempoh di atas, sekiranya berjaya perlu menanggungkan pengajian.
- 9.9.4 Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti akan memutuskan permohonan rayuan pelajar.
- 9.9.5 Yuran proses adalah seperti di **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.
- 9.9.6 Pelajar yang lulus dalam rayuan akan dikenakan syarat-syarat berikut:
- (i) Bagi semester panjang, tempoh Daftar Diri adalah selewat-lewatnya pada minggu kedua kuliah semester semasa;
 - (ii) Bagi semester pendek, tempoh Daftar Diri adalah selewat-lewatnya pada minggu pertama kuliah semester semasa.

- (iii) Jumlah kredit maksimum yang dibenarkan ialah 12 jam kredit bagi semester panjang dan 6 jam kredit bagi semester pendek.
- (iv) Pelajar wajib mengulang kursus yang gagal pada semester rayuan diterima (sekiranya ditawarkan).

10.0 PENYELEWENGAN AKADEMIK

10.1 Penyelewengan Akademik

10.1.1 Pelajar yang melakukan salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) & Peraturan-Peraturan dan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor;

10.1.2 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana penyelewengan akademik berikut:

- (i) Plagiarisme;
- (ii) Menipu atau cubaan menipu dalam kerja kursus/peperiksaan/hasil akademik.

10.2 Tindakan Penyelewengan Akademik

10.2.1 Tindakan berikut akan diambil sekiranya penyelewengan akademik dilakukan:

- (i) Gred X akan diberikan kepada semua kursus yang diambil oleh pelajar tersebut pada semester berkenaan;
- (ii) Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum berdasarkan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

11.0 STATUS PENGAJIAN

11.1 Aktif Pengajian [Active]

11.1.1 Pelajar yang telah melakukan Daftar Diri pada semester semasa.

11.2 Tangguh Pengajian [Defer]

11.2.1 Pelajar dibenarkan untuk memohon penangguhan pengajian semester semasa.

11.2.2 Pelajar Antarabangsa hanya dibenarkan menangguh pengajian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

11.2.3 Tempoh akhir permohonan penangguhan pengajian adalah pada minggu ke-14 kuliah bagi semester panjang dan minggu ketujuh kuliah bagi semester pendek.

11.2.4 Pelajar boleh menangguh pengajian atas sebab-sebab tertentu selagi dalam tempoh pengajian dengan kelulusan Dekan.

11.2.5 Yuran proses yang ditetapkan oleh Universiti akan dikenakan bagi setiap permohonan seperti di Lampiran 1: Kadar Bayaran.

11.3 Berhenti Pengajian [Quit]

11.3.1 Pelajar yang berhasrat untuk berhenti pengajian perlu mendapat kelulusan Dekan dan melengkapkan borang permohonan.

11.3.2 Pelajar Antarabangsa yang berhasrat untuk berhenti pengajian perlu mematuhi peraturan semasa Universiti dan perlu merujuk Pejabat Antarabangsa.

11.4 Tidak Berdaftar [Absent]

11.4.1 Pelajar yang gagal melakukan Daftar Diri dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti pada semester semasa akan diberikan status Tidak Berdaftar.

11.5 Diberhentikan Pengajian [Terminated]

11.5.1 Pelajar boleh diberhentikan pengajian kerana perkara-perkara berikut:-

- (i) Status akademik dalam Kedudukan Gagal; atau
- (ii) Tidak berjaya dalam permohonan rayuan meneruskan pengajian; atau
- (iii) Berstatus Tidak Berdaftar pada semester semasa melebihi tempoh yang ditetapkan; atau
- (iv) Pas Pelajar Antarabangsa yang telah tamat tempoh dan gagal untuk diperbaharui; atau
- (v) Tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.

11.6 Disingkir Pengajian [Expelled]

11.6.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan boleh disingkir pengajian dari Universiti mengikut Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

11.7 Digantung Pengajian [Suspended]

11.7.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan boleh digantung daripada meneruskan pengajian mengikut Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

11.8 Lengkap [Completed]

11.8.1 Pelajar yang telah memenuhi semua syarat berikut:

- (i) Lulus semua kursus di dalam komponen pengajian program; dan
- (ii) Telah memenuhi jumlah jam kredit bergraduasi; dan
- (iii) Mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00.

11.9 Bergraduat [Graduated]

11.9.1 Pelajar yang telah memenuhi syarat bergraduat dan telah disahkan oleh Senat.

11.10 Praktikal [Practical]

11.10.1 Pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri/Latihan Klinik/Praktikum yang melangkaui satu semester akan diberi status Praktikal pada semester berikutnya.

11.10.2 Pelajar berstatus Praktikal tidak perlu mendaftar diri.

12.0 PENGIJAZAHAN

12.1 Syarat-syarat Bergraduat Universiti

12.1.1 Pelajar layak bergraduat setelah syarat-syarat berikut dipenuhi;

- (i) Memperoleh jumlah kredit bergraduat yang ditetapkan dan berada sekurang-kurangnya KB;
- (ii) Syarat tambahan program sekiranya ada;
- (iii) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- (iv) Diperakui oleh Senat.

12.2 Kelas Ijazah

12.2.1 Kelas Ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian PNGK terakhir seperti Jadual 12.1.

Jadual 12.1: Pengkelasan Ijazah

Kelas Kepujian	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)
Pertama	3.60 - 4.00
Kedua (Tinggi)	3.00 - 3.59
Kedua (Rendah)	2.00 - 2.99

12.3 Anugerah Akademik

- 12.3.1 Anugerah yang diberi kepada pelajar yang layak mengikut kategori yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Penerima Anugerah Akademik.

12.4 Transkrip dan Sijil

- 12.4.1 Pelajar berstatus Bergraduasi dan tidak mempunyai tunggakan yuran pengajian boleh mencetak transkrip mini dan surat tamat pengajian daripada portal pelajar sebelum Istiadat Konvokesyen.
- 12.4.2 Transkrip dan sijil akademik hanya diserahkan kepada pelajar selepas Istiadat Konvokesyen kecuali pelajar-pelajar di bawah perjanjian Universiti.
- 12.4.3 Permohonan cetakan semula transkrip atau sijil akademik gantian atau transkrip pendua akan dikenakan yuran proses yang ditetapkan oleh Universiti seperti di **Lampiran 1: Kadar Bayaran**.

13.0 BAYARAN

13.1 Yuran dan Bayaran Lain

- 13.1.1 Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti yang diperuntukan oleh Universiti.

13.2 Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

- 13.2.1 Pihak Universiti mempunyai hak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

13.3 Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

- 13.3.1 Pelajar hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

13.4 Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

13.4.1 Kegagalan menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar:

- (i) dihalang daripada menduduki peperiksaan bagi semester berkenaan;
- (ii) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan;
- (iii) dihalang daripada mendaftar kursus pada semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan; dan/atau
- (iv) dihalang daripada diberi transkrip dan sijil.

14.0 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

14.1 Peruntukan Am

- 14.1.1 Pelajar **wajib** mematuhi semua peraturan akademik Universiti.
- 14.1.2 Peraturan akademik ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Tatatertib Pelajar atau mana-mana pekeliling/peraturan/arahan/garis panduan Universiti.
- 14.1.3 Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 14.1.4 Jika wujud percanggahan, keputusan Senat adalah muktamad.

Lampiran 1: Kadar Bayaran

Nombor Perkara	Perkara	Kadar Bayaran
5.1	Daftar Diri Pelajar Semasa	RM50.00 dan tambahan RM5.00 bagi setiap satu (1) hari lewat Jumlah maksimum keseluruhan RM200.00
5.6	Tambah Kursus	RM50.00 dan tambahan RM5.00 bagi setiap satu (1) hari lewat Jumlah maksimum keseluruhan RM200.00 setiap kursus
5.7	Gugur Kursus	RM50.00 + Prorata yuran pengajian setiap satu kursus yang digugurkan Formula prorata yuran = Yuran Kursus x Bilangan Minggu Kuliah/Jumlah Minggu Kuliah Contoh kiraan prorata yuran = RM450.00 x 9/14
6.1	Tukar Program	Yuran proses RM100.00 bagi pelajar tempatan Yuran proses RM3,000.00 bagi pelajar antarabangsa (tertakluk perubahan daripada pihak berkuasa)
7.3	Pemindahan Kredit	Yuran proses RM50.00 bagi setiap kursus. Yuran pemindahan kredit 15% daripada yuran pengajian bagi setiap kursus yang diluluskan. (Terpakai kepada pelajar baharu Ambilan April 2020 sahaja).
	Maklumat Kursus	Yuran proses RM20.00 bagi setiap kursus.
9.4	Peperiksaan Khas	Yuran proses RM50.00 bagi setiap kursus.
9.8	Semakan Semula Keputusan Gred Kursus	Yuran proses RM100.00 bagi setiap permohonan.
9.9	Rayuan Meneruskan Pengajian	Yuran proses RM200.00 bagi setiap permohonan.
11.2	Tangguh Pengajian	Yuran proses RM50.00 bagi setiap permohonan.
12.4	Cetakan Semula Transkrip	Yuran proses RM50.00 bagi setiap permohonan.
12.4	Cetakan Semula Sijil Akademik	Yuran proses RM100.00 bagi setiap permohonan.

SENARAI JADUAL

BIL.	JADUAL	TAJUK JADUAL
1.	Jadual 2.1(a)	Struktur Pembelajaran Program Asas
2.	Jadual 2.1(b)	Struktur Pembelajaran Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
3.	Jadual 4.1	Tempoh Pengajian
4.	Jadual 7.1 (a)	Jumlah Jam Kredit Yang Dibenarkan untuk Program Asas
5.	Jadual 7.1 (b)	Jumlah Jam Kredit Yang Dibenarkan untuk Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
6.	Jadual 8.1(a)	Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred
7.	Jadual 8.1(b)	Skim Pemarkahan Tanpa Nilai Gred
8.	Jadual 8.2	Gred Lulus Kursus
9.	Jadual 9.1	Kedudukan Akademik
10.	Jadual 12.1	Pengkelasan Ijazah

AUTOGRAF



Kampus Bestari Jaya

Jalan Timur Tambahan
45600 Bestari Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Kampus Shah Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

www.unisel.edu.my